

# Usah benci Singapura

Keputusan ICJ harus beri kesan positif dalam hubungan kedua-dua negara berjiran

>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

**M**AHKAMAH Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda, semalam menetapkan bahawa Singapura mempunyai hak kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh, manakala Malaysia mempunyai hak kedaulatan terhadap Terumbu Karang Tengah.

Mahkamah itu juga menetapkan Terumbu Karang Selatan adalah milik negara di mana terletaknya perairan wilayah atau batuan itu menjadi milik Malaysia.

Keputusan penghakiman itu sekali gus menamatkan pertikaian hampir 30 tahun antara Malaysia dengan Singapura mengenai kedaulatan ketiga-tiga pulau berkenaan.

Bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa menghormati prinsip undang-undang, keputusan itu

turut bermakna Singapura tidak boleh membuat keputusan unilateral sesuka hati, termasuk penambakan di kawasan berkenaan.

Malah, Malaysia mengangap keputusan ICJ itu seimbang dan berlandaskan 'situasi menang-menang' bagi kedua-dua negara walaupun Malaysia terpaksa akur dengan kehilangan Pulau Batu Puteh yang menjadi isu pokok dalam pertikaianya dengan Singapura.

Berikutan keputusan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak, malam tadi mengumumkan kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa teknikal untuk membuat kajian secara mendalam dari segi implikasi perundangan bagi memastikan keputusan ICJ itu dapat dilaksanakan.

Bagi beliau, walaupun barisan peguam Malaysia di ICJ tidak berjaya sepenuhnya, Malaysia tetap dapat mempertahankan sebahagian da-

ripada tuntutan berkenaan dan negara ini akan menghormati serta menerima keputusan itu seperti dipersetujui sebelum ini.

Kini, menjadi tugas jawatankuasa yang akan ditubuhkan itu untuk mengkaji implikasi yang bakal timbul berikutan keputusan berkenaan.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (ISIS) Malaysia, Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, berpandangan keputusan yang dibuat ICJ semalam harus memberi kesan baik kepada hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura.

Alasannya, keputusan itu akhirnya berjaya menyelesaikan satu pertikaian antara dua negara berjiran yang sudah berlarutan sejak sekian lama.

"Kesannya harus baik sebab satu isu dalam perhubungan kita dah selesai, jadi isu ini

H.M 24/05/08

# Kedudukan Pulau Batu Puteh di perairan Malaysia - Singapura



tidak diungkitkan oleh kedua-dua pihak lagi, tidak menjadi pengganggu dalam hubungan kita lagi. Di pihak rakyat pula, mereka harus menerimanya dengan baik," katanya.

Mohamad Jawhar berkata, Malaysia harus menerima dengan baik keputusan ICJ itu kerana apabila kita membuat keputusan untuk merujuk pertikaian itu ke ICJ, Malaysia juga membuat keputusan untuk menerima apa jua keputusan mahkamah, sama ada memihak kepada kita atau Singapura.

"Keputusan ICJ dibuat berasaskan hujah kedua-dua pihak dan banyak bergantung kepada tindakan yang diambil kedua-dua pihak dalam abad ke-19, abad ke-20. Ini semua tindakan yang diambil pihak berkuasa waktu penjajah, waktu Malaya dan sebagainya," katanya.

Pengerusi ISIS itu berharap rakyat Malaysia akan menerima dengan baik keputusan

ICJ dalam semangat yang bertanggungjawab dan menghormati undang-undang, jangan beremosi dan jangan semarakkan sentimen anti-Singapura kerana ia tidak akan mendatangkan faedah kepada Malaysia atau kepada hubungan Malaysia dengan Singapura.

Keputusan itu sebenarnya bukan bermakna Malaysia kalah semuanya, malah Malaysia juga menang dalam tuntutan terhadap Terumbu Karang Tengah dan ia adalah situasi menang-menang antara Malaysia dan Singapura.

Bagi Mohamed Jawhar, keputusan berkenaan tidak memberi implikasi besar kepada negara ini.

Pendapat beliau turut dikongsi pakar sejarah dan pemerhati politik, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim.

Beliau berpendapat, keputusan berkenaan harus dijadikan pengajaran dan tidak menjejaskan maruah serta kedaulatan negara ini.

"Soal maruah tidak timbul kerana kedua-dua pihak sudah bersetuju membawa keputusan ini untuk diadili ICJ. Akhirnya keputusan memihak Singapura selepas ICJ mendapati kes kita lebih lemah berbanding negara itu.

"Semua pihak harus tenang dan terus menjaga hubungan baik yang sudah lama terjalin. Saya fikir, rakyat negara ini juga tidak mahu Indonesia terus-menerus beremosi ketika kita mendapat hak kedaulatan Pulau Sipadan dulu," katanya.

Bagaimanapun, bagi sekumpulan pemikir termasuk pakar sejarah, Malaysia perlu menjadikan keputusan ICJ itu sebagai iktibar dan pengajaran mengenai betapa pentingnya nilai-nilai sejarah dalam pembentukan negara bangsa.

Rektor Kolej Yayasan Melaka yang juga pakar sejarah, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, berkata keputusan itu menunjukkan kelemahan dan kesilapan Malaysia sejak awal yang tidak menggunakan fakta sejarah sebagai panduan dalam mempertahankan wilayah negara.

Merujuk kepada surat daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri Johor pada 1953 kepada Singapura, yang mengatakan bahawa kerajaan Johor tidak menuntut hak milik ke atas Pulau Batu Puteh, Dr Ramlah berkata ia juga menunjukkan kelemahan pentadbiran kerajaan negeri pada masa itu.

"Pengakuan kita (surat SUK) bahawa ia (pulau) bukan hak milik kita menunjukkan kelemahan dan kesalahan kita betapa tidak menggunakan sejarah sebagai panduan dan tidak membuat rujukan serta penyelidikan yang betul.

"Ini pengajaran kepada Malaysia betapa pentingnya dokumen-dokumen sejarah dan merujuk kepada orang yang terbabit sebelum membuat keputusan," katanya.

Beliau berkata, keputusan yang dibuat ICJ semalam membuktikan betapa pentingnya sejarah dan dokumen-dokumen sejarah, dan itulah yang menjadi asas kepada hujahan Singapura dalam kes itu.

Dr Ramlah berkata, keputusan ICJ itu juga memberi impak besar kepada persempadanan antarabangsa Malaysia yang semakin mengecil apabila kedaulatan Pulau Batu Puteh yang terletak 7.7 batu nautika dari pantai Tanjung Penyusuh di Johor, menjadi milik Singapura.

Dekan Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifah Mastura Syed Abdullah pula berkata, berdasarkan keputusan itu kerajaan Malaysia perlu segera memberi perhatian jika ada pulau-pulau kecil dalam perairan negara yang masih belum diperakui statusnya.

"Sekarang kita mungkin tidak nampak kepentingannya, tetapi pada masa hadapan kita tidak tahu," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata penghargaan perlu diberi kepada pasukan Malaysia yang sudah bertungkus-lumus menyediakan dokumen-dokumen berkaitan bagi membuat penghujahan kes itu.